

17 SEP 1996

TENAGA NASIONAL LATIH JURUTERA BOSNIA

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Tujuh orang jurutera Bosnia kini menjalani latihan dalam bidang penjanaan elektrik tajaan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Mereka menjalani latihan penjanaan di Institut Kejuruteraan Teknologi Tenaga Nasional (IKATAN) Serdang dan di beberapa stesen janaelektrik Tenaga Nasional, menurut satu kenyataannya hari ini.

Latihan selama sebulan dari 2 Sept hingga 30 Sept ini, memberi penekanan terhadap aspek arang batu dan pemulihan loji.

Menurut kenyataan itu, penajaan jurutera dari badan utiliti elektrik Bosnia yang dikenali sebagai Elektroprivreda itu adalah susulan daripada lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Bosnia.

Berikutan itu sekumpulan eksekutif Tenaga Nasional telah dihantar ke Bosnia untuk mengkaji keadaan sistem bekalan elektrik di negara itu, yang banyak mengalami kerosakan akibat perang selama tiga setengah tahun di negara Balkan itu.

Hasil lawatan itu Tenaga Nasional bersetuju untuk memberi bantuan kepada Elektroprivreda dalam usaha mereka untuk memulihkan semula sistem bekalan elektrik. Latihan itu merupakan satu daripada bentuk bantuan yang dipersetujui.

Matlamat latihan ini untuk memberi kemahiran kepada jurutera berkenaan dalam aspek pengurusan dan pengendalian stesen janaelektrik bagi meningkatkan kecekapan dan kualiti kerja mereka, kata kenyataan itu.--BERNAMA

HAB MAI